

07/02/1998

80 peratus cawangan mahu Kamaruddin

TUMPAT, Jumaat - Lebih 80 peratus daripada 126 ketua cawangan Umno bahagian Tumpat bersetuju mencalonkan Naib Ketua Bahagian, Datuk Kamaruddin Jaafar, bertanding merebut jawatan ketua, sekiranya gagal mencapai kata sepakat menerusi kaedah musyawarah.

Pendirian itu dijelaskan dalam satu pernyataan bersama ketua-ketua Umno cawangan dalam Bahagian Tumpat yang akan diserahkan kepada wakil Badan Perhubungan Umno Negeri, Sabtu ini.

Mereka mendakwa, proses perundingan di antara Ketua Bahagian, Mansor Salleh dan Kamaruddin sebelum ini mencapai persetujuan untuk memberi laluan kepada Kamaruddin mengambilalih jawatan ketua bahagian itu.

Menurut mereka, atas dasar musyawarah itu, semua 126 cawangan dimaklumkan agar mencalonkan Kamaruddin sebagai Ketua Bahagian dalam mesyuarat cawangan, bermula 12 Februari ini.

Ketua Cawangan Telaga Lanas, Hashim Mamat, berkata kaedah perundingan adalah jalan terbaik bagi pemimpin yang merasakan tidak lagi layak menerajui bahagian dan menyerahkannya kepada pihak yang lebih berkemampuan.

Bagaimanapun, katanya, apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan berhubung jawatan ketua bahagian tidak dipertandingkan, ada pihak menarik balik hasrat untuk berundur.

"Tiba-tiba saja mereka ubah pendirian tanpa berunding semula dan sekali gus membelakangi semangat musyawarah dan kehendak ahli parti yang mahu perubahan pucuk pimpinan bahagian," katanya.

Ketua Umno Cawangan Kok Keli Masjid, Ngah Omar, berkata semua ketua cawangan sependapat sudah sepatutnya kepemimpinan baru diberi peluang memikul amanah dan tanggungjawab berdasarkan rekod cemerlang yang dilaksanakan pemimpin baru itu.

Menurutnya, ramai di kalangan ketua cawangan kecewa dengan sikap Ketua Bahagian sekarang menyebabkan mereka mengeluarkan satu pernyataan untuk disampaikan kepada pucuk tertinggi parti.

(END)